

**TALKING-POINT YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB,  
MENTERI KKLW BERSAMA MEDIA  
PADA MAJLIS PENYERAHAN MOBILEPRENEUR  
PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2016  
8 DISEMBER 2016 (KHAMIS) – 10.00 PAGI  
HOTEL CARLTON HOLIDAY, SHAH ALAM, SELANGOR**

1. Projek Usahawan Bergerak (*Mobilepreneur*) merupakan program yang memberi peluang kepada kumpulan sasar yang menunjukkan minat dan kesungguhan untuk menjadi usahawan bergerak sebagai satu kerjaya melalui projek yang dipohon.
2. Pemilihan usahawan bergerak (*Mobilepreneur*) ini memfokuskan kepada golongan yang memiliki sijil kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau telah menyertai kursus di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya KKLW dan mempunyai pengalaman kemahiran berkaitan.
3. Ia merupakan satu inisiatif Kerajaan untuk membantu golongan belia luar bandar menjalankan perniagaan atau perkhidmatan tanpa memerlukan modal yang besar untuk membuka atau menyewa premis perniagaan.
4. Kumpulan sasar yang diberi keutamaan bagi pelaksanaan program ini terdiri daripada golongan Belia Luar Bandar yang berumur 40 tahun ke bawah di bawah kategori Miskin Tegar, Miskin dan Berpendapatan Rendah (B40) serta:
  - (i) Mempunyai Sijil Kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau

- (ii) Pernah mengikuti Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK); dan
- (iii) Mempunyai pengalaman/ kemahiran mengikuti latihan berkaitan dengan projek;
- (iv) yang tidak pernah menerima sebarang bantuan/ program/ projek ekonomi yang lain

5. KKLW akan menyalurkan geran berjumlah RM10,000 seorang kepada Agensi Pelaksana yang dilantik bagi Program Usahawan Bergerak (*Mobilepreneur*). Kadar bantuan bagi seorang peserta meliputi komponen berikut:

- i) Motosikal yang telah diubahsuai
- ii) Peralatan (*Tool Kit*) mengikut kursus/ Perniagaan yang diceburi
- iii) Kursus Asas Keusahawanan

JUMLAH KESELURUHAN **RM10,000**

6. Projek-projek ekonomi PPP memberi tumpuan kepada perkhidmatan utama berikut:

- 1. Perkhidmatan Automotif
- 2. Perkhidmatan Penghawa Dingin
- 3. Perkhidmatan Elektrik
- 4. Perkhidmatan Spa & Kecantikan
- 5. Perkhidmatan Jahitan
- 6. Perkhidmatan Gunting Rambut
- 7. Perkhidmatan Motorsikal
- 8. Perkhidmatan Kimpalan
- 9. Perkhidmatan Komputer
- 10. Perkhidmatan Elektronik

11. Perkhidmatan Kek & Pastrri
12. Perkhidmatan Makanan dan Minuman

7. Kementerian ini telah mensasarkan seramai 500 orang peserta bagi Projek Usahawan Bergerak (*Mobilepreneur*) bagi seluruh Malaysia bagi tahun 2016. Pecahan agihan mengikut Negeri adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Siling Peruntukan (RM)	Kelulusan	AGENSI PELAKSANA
			Unjuran Peserta/Projek	
1.	Pahang	700,000	70	GIATMATRA
2.	Negeri Sembilan	200,000	20	
3.	Kelantan	200,000	20	
4.	<b>Selangor</b>	<b>380,000</b>	<b>38</b>	
5.	Melaka	200,000	20	
6.	Perlis	200,000	20	
7.	Perak	500,000	50	
8.	Pulau Pinang	150,000	15	
<b>JUMLAH</b>		<b>2,530,000</b>	<b>253</b>	
9.	Sabah	1,000,000	100	FELCRA
10.	Sarawak	1,000,000	100	
11.	PELBAGAI ( <i>Permohonan Online</i> )	470,000	47	
<b>JUMLAH</b>		<b>2,470,000</b>	<b>247</b>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>5,000,000</b>	<b>500</b>	

8. Sehingga 30 November tahun ini, Kementerian telah menyerahkan sebanyak 345 bantuan mobilepreneur kepada peserta yang layak meliputi negeri Pahang, Negeri Sembilan, Kelantan, Pulau Pinang, Perlis, Sabah dan Sarawak.

## MAJLIS PENYERAHAN MOBILEPRENEUR PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2016

9. Majlis Penyerahan *Mobilepreneur* ke Arah Menangani Kos Sara Hidup Peringkat Negeri Selangor Tahun 2016 merupakan program yang dirancang bagi penyerahan bantuan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) bagi Projek Usahawan Bergerak (Mobilepreneur) di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Seramai 38 orang penerima yang akan menerima bantuan ini dengan jumlah bantuan RM380,000. Penyerahan majlis pada hari ini melibatkan kesemua **38 orang peserta**.
  
10. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) berhasrat melahirkan lebih ramai usahawan Mobilepreneur yang berjaya sekaligus dapat meningkatkan sumber pendapatan tambahan kepada setiap peserta dan seterusnya dapat mengubah taraf kehidupan mereka. Dengan pelaksanaan program seperti ini, ianya akan dapat memberi suntikan dan dorongan kepada komuniti di kawasan luar bandar untuk terus maju ke hadapan dalam menjana pendapatan mereka serta membantu membangunkan ekonomi luar Bandar.

**PESERTA MOBILEPRENEUR SELANGOR 2016 (38 PENERIMA)  
MENGIKUT BIDANG PERKHIDMATAN**

<b>BIL.</b>	<b>BIDANG</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Perkhidmatan Penghawa Dingin	3
2.	Perkhidmatan Elektrikal	8
3.	Perkhidmatan Spa dan Kecantikan	6
4.	Perkhidmatan Makanan dan Minuman	4
5.	Perkhidmatan Kek dan Pastri	5
6.	Perkhidmatan Motorsikal	3
7.	Perkhidmatan Dandanan Rambut	4
8.	Perkhidmatan Automotif	5
	<b>JUMLAH</b>	<b>38</b>

**-TAMAT-**

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**  
**Tel: 03-8891 5940, Faks: 03-8888 2367**  
**Emel: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)**